

**NO. SOALAN: 37**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN  
[ BUKIT BINTANG ]**

**TARIKH : 11 JUN 2014**

**RUJUKAN : 6846**

**SOALAN:**

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan kes pembantu rumah lari, kerugian yang ditanggung majikan dan usaha untuk mengesan mereka.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

**Bilangan Pembantu Rumah Asing (PRA) yang dilaporkan lari daripada majikan bagi tahun 2008 sehingga 2013 adalah seramai 105,119 orang.**

**Bagi setiap PRA yang lari, majikan-majikan ini terpaksa menanggung kerugian khususnya terhadap kos pengambilan yang telah dibayar kepada agen untuk membawa masuk pekerja tersebut serta bayaran sita yang perlu dijelaskan kepada Jabatan Imigresen Malaysia (JIM). Pekerja yang dilaporkan lari akan disenarai hitamkan daripada sebarang kemudahan imigresen dan Pas Lawatan (Kerja Sementara) (PLKS) mereka akan dibatalkan.**

**Selanjutnya, pihak JIM akan memajukan senarai nama pembantu rumah asing yang telah disenarahitamkan ini kepada Bahagian Penguatkuasa JIM dan Polis DiRaja Malaysia untuk tujuan pengesanan dan penguatkuasaan.**